

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 5 TAHUN 1998

SEKSYEN 22 KANUN TANAH NEGARA NO.56/1965 :
PERLINDUNGAN PEGAWAI-PEGAWAI

Arahan ini dikeluarkan untuk menasihati semua Pentadbir Tanah mengenai keperluan mematuhi peruntukan undang-undang dibawah Kanun Tanah Negara 1965 berkaitan apa-apa pertimbangan, keputusan dan tindakan yang berasaskan dengan ‘sucihati (in good faith)’ supaya peruntukan Seksyen 22 KTN boleh melindungi Pentadbir Tanah daripada didakwa dalam mana-mana mahkamah sivil.

2. Adalah seringkali diperhatikan bahawa didalam kes pertikaian penentuan hakmilik atau kepentingan atas tanah diantara pihak-pihak tertentu, Pentadbir Tanah dan/atau Kerajaan Negeri telah dinamakan sebagai pihak kena tuntutan (defendant) dalam tuntutan dimahkamah.

3. Peruntukan Seksyen 22 Kanun Tanah Negara 1965 berbunyi sebagaimana berikut :

“Tiada seorang Pegawai jua yang dilantik di bawah Bahagian ini boleh kena didakwa dalam mana-mana mahkamah sivil kerana apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan, olehnya dengan sucihati dan dengan niat hendak menjalankan apa-apa kuasa, atau ,melaksanakan kewajipan yang diberi atau dikenakan keatasnya oleh atau dibawah Akta ini”.

4. Pentadbir-Pentadbir Tanah, setelah disenaraikan dibawah Seksyen 12(1) KTN, boleh mendapat faedah perlindungan undang-undang seperti yang diperuntukkan dibawah Seksyen 22 KTN, sekiranya berlaku perbicaraan di Mahkamah, dengan memastikan ujudnya asas-asas yang menunjukkan bahawa pertimbangan, keputusan dan apa jua tindakan penyelesaian sesuatu pertikaian itu telah dilakukan oleh Pentadbir Tanah dengan sucihati (in good faith).

5. Bagi maksud para 4 di atas, Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah memastikan :
 - 5.1 Apa jua tindakan yang diambil adalah dengan kuasa yang dibenarkan oleh undang-undang.
 - 5.2 Semua tindakan adalah berasaskan kepada fakta atau butir-butir kenyataan tertentu dan bukanlah berdasarkan kepada anggapan semata-mata.
 - 5.3 Apa-apa kenyataan, maklumat dan pandangan yang terdapat dalam dokumen atau fail berkenaan, yang difikirkan boleh menjejaskan kedudukan Pentadbir Tanah dalam sesuatu pertikaian, tidaklah harus diberi kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam pertikaian.
 - 5.4 Sekiranya Pentadbir Tanah menerima sesuatu tuntutan atau notis perbicaraan Mahkamah, hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri dan seberapa segera dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri berserta dengan segala fakta lengkap berkaitan kes berkenaan. Adalah menjadi kehendak dan peraturan undang-undang bahawa pihak Defenden dikehendaki memasukkan kehadiran dalam masa 8 hari dari tarikh menerima writ yang berkenaan dan seterusnya memasukkan pembelaan dalam tempoh 14 hari selepas tamatnya tempoh 8 hari tersebut.
6. Sila ambil perhatian bahawa sebarang kecuaiian seseorang Pentadbir Tanah mungkin akan mengakibatkan pembayaran gantirugi, pembiayaan bicara dan sebagainya oleh Kerajaan Negeri.
7. Dengan demikian semua Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya mengambil perhatian sebagaimana para 5 diatas.
8. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Yang menurut perintah,

t.t

(Md. Yusuf bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri,
Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. Y.A.B. Tuan Guru Dato' Menteri Besar, Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausaha , Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,
KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN. 3269 JLD. 2/(27)

**BERTARIKH : 23 ZULHIJAH 1418
20 APRIL 1998**